



**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
(MAIS)**

JAWATAN KOSONG

No. Fail : MAIS/SPK/BPSM/01-2/009/7 (35)

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon anak Negeri Selangor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti di bawah:

1. JAWATAN/TARAF PELANTIKAN/GAJI POKOK

BIL.	JAWATAN	TARAF PELANTIKAN	GAJI POKOK
a.	Pegawai Syariah	Tetap	RM 2,264.00 – RM 7,266.00
b.	Pegawai Psikologi		
c.	Penolong Pengurus Teknologi Maklumat	Kontrak	

2. SYARAT-SYARAT JAWATAN

**a) Pegawai Syariah
(Lelaki/Perempuan)- 2 Kekosongan**

Penempatan : (i) Bahagian Undang-Undang

Syarat Lantikan : (i) Warganegara Malaysia.
(ii) Anak Selangor atau lima (5) tahun mastautin di Negeri Selangor (tempoh dikira selepas tamat pengajian).
(iii) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan

daripada institusi-intituti pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (iv) Keahlian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**b) Pegawai Psikologi
(Perempuan)- 1 Kekosongan**

Penempatan : (i) Bahagian Pemulihan Ar-Riqab (Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan)

- Syarat Lantikan : (i) Warganegara Malaysia.
- (ii) Anak Selangor atau lima (5) tahun mastautin di Negeri Selangor (tempoh dikira selepas tamat pengajian).
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda keahlian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (iv) Kaunselor berdaftar di bawah seksyen 26 Akta 580 (Akta Kaunselor 1998); dan
 - (v) Keahlian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**c) Penolong Pengurus Teknologi Maklumat
(Lelaki/Perempuan)- 1 Kekosongan**

Penempatan : (i) Pusat Arah Nadi

Syarat Lantikan : (i) Warganegara Malaysia.
(ii) Anak Selangor atau lima (5) tahun mastautin di Negeri Selangor (tempoh dikira selepas tamat pengajian).
(iii) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(iv) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. CARA MEMOHON

3.1 Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG** dan **SENARAI SEMAK DOKUMEN PEMOHON** yang boleh didapati di laman web, www.mais.gov.my mulai **1 Oktober 2018 (Isnin)**.

3.2 Setiap borang permohonan jawatan kosong mestilah disertakan **salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan** seperti berikut:

- a. Kad Pengenalan dan Surat Beranak;
- b. Surat Berhenti Sekolah;
- c. Sijil SPM;
- d. Sijil PMR;
- e. Gambar ukuran pasport;

- f. Surat Akuan/pengesahan mastautin pemohon/ibu/bapa bagi pemohon yang lahir di luar Negeri Selangor; dan
 - g. Sijil-sijil yang berkaitan.
 - Pengesahan salinan sijil hanya boleh dibuat oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional atau Ketua Kampung atau Penghulu atau Nazir Masjid.
 - Pengesahan sijil melalui tandatangan 'bagi pihak' akan ditolak.
- 3.3 Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Rekod Perkhidmatan Pegawai dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- 3.4 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah atas kiri sampul surat.
- 3.5 Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
- a. Tidak ditandatangani oleh pemohon;
 - b. Pengisian borang tidak lengkap;
 - c. Dokumen yang diperlukan tidak dilampirkan;
 - d. Salinan sijil-sijil yang tidak disahkan oleh pegawai yang ditetapkan;
 - e. **Tidak menggunakan Borang BR.MAIS BPSM (P&P) /16/2006-Pin.1.2013; dan**
 - f. **Tidak mengisi Borang Pengesahan Permastautinan Dalam Negeri Selangor BR.MAIS BPM (SM-P&P)/1/2009-Pind.1.2014** (Bagi Pemohon yang lahir luar dari Negeri Selangor).

3.6 Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

Majlis Agama Islam Selangor

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

40000 SHAH ALAM, SELANGOR

(U.P.: Unit Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 Oktober 2018 (Isnin) jam 12.00 tengah hari.**

4. CATATAN AM

4.1 Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temuduga.

4.2 Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.